

## Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) (The Concept of Higher-Order Thinking Skills (HOTS) in Tahfiz Integrated Curriculum (KBT))

Wan Ali Akbar Wan Abdullah

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Email: wanaliakbar.kpm@gmail.com

Nursafra Mohd Zhaffar

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau

Email: [nursafra@uitm.edu.my](mailto:nursafra@uitm.edu.my)

Norasmahani Nor

Panitia Pendidikan Islam

SMKA Maahad Hamidiah

Email: [norasmahaninor@gmail.com](mailto:norasmahaninor@gmail.com)

Nor Anisa Musa

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia (UPM)

Email: [noranisamusa87@gmail.com](mailto:noranisamusa87@gmail.com)

Mohd Syaubari Othman

Unit Pendidikan Islam

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Manjung

Email: [syaubari@gmail.com](mailto:syaubari@gmail.com)

### Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi memahami konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Isu timbul apabila taksonomi Bloom mengategorikan mengingat sebagai pemikiran aras rendah, sedangkan objektif KBT adalah pelajar dapat menghafaz 30 juzuk al-Quran. Oleh hal yang demikian, terdapat keperluan untuk meneroka kefahaman pakar mengenai konsep KBAT dalam KBT. Lapan peserta kajian telah dipilih untuk dikaji. Temu bual secara mendalam dijalankan secara separa struktur. Dapatan menunjukkan peserta kajian bersetuju bahawa taksonomi Bloom boleh digunakan sebagai rangka asas pemikiran dalam KBT, namun perlu disesuaikan dengan disiplin ilmu dalam KBT. Selain itu, peserta kajian turut sepakat bahawa mengingat dalam hafazan al-Quran dikategorikan sebagai pemikiran aras tinggi. Perbahasan mengenai taksonomi pemikiran dalam KBT menonjolkan empat sudut ukuran KBAT dalam hafazan al-Quran, iaitu; bacaan al-Quran, hafazan al-Quran, kekuatan ingatan dan gabung jalin ilmu. Implikasi kajian berjaya membentuk Model Taksonomi Hafazan al-Quran.

**Kata kunci:** Konsep KBAT, Kurikulum Bersepadu Tahfiz, Hafazan al-Quran.

### Abstract

This study was conducted to understand the concept of HOTS in Tahfiz Integrated Curriculum (KBT). The issue arises when Bloom's taxonomy categorizes remembering as lower-order thinking, while the objective of KBT is that students can memorize 30 verses of the Quran. As such, there is a need to explore the expert understanding of the concept of HOTS in KBT. Eight study participants were selected for study. In-depth interviews were conducted in a semi-structured manner. Findings show that study participants agree that Bloom's taxonomy can be used as a basic framework of thinking in KBT, but needs to be adapted to the discipline of knowledge in KBT. In addition, the study participants also agreed that memorizing the Quran is categorized as higher-order thinking. The debate on the taxonomy of thought in KBT highlights four angles of KBAT measurement in Quran memorization, namely; recitation of the Qur'an, memorization of the Qur'an, the strength of memory and the integration of knowledge. The implications of the study successfully formed the Hafazan al-Quran Taxonomy Model.


**Keywords:** HOTS Concept, Tahfiz Integrated Curriculum, Hafazan al-Quran.

Article Progress  
Received: 13 August 2020  
Revised: 27 August 2020  
Accepted: 13 September 2020

## 1. PENGENALAN

Kemahiran berfikir disebutkan secara jelas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai salah satu daripada enam aspirasi yang ingin diterapkan kepada setiap pelajar di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kemahiran berfikir didefinisikan oleh Lembaga Peperiksaan (2013) sebagai proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dan seterusnya membuat refleksi dan metakognitif terhadap proses yang dialami. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pula bermaksud satu keupayaan berfikir untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya untuk mencipta sesuatu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014b).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengadaptasi hierarki pemikiran Bloom dalam sistem pendidikan kebangsaan dan digunakan sebagai kerangka dalam kurikulum (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017b, 2017a), buku teks (Kementerian Pendidikan Malaysia, n.d.) dan pentaksiran (Lembaga Peperiksaan, 2013). Hirarki pemikiran Bloom edisi semakan adalah seperti rajah berikut (Anderson & Krathwohl, 2001):



Rajah 1: Hirarki pemikiran Bloom edisi semakan Anderson

Berdasarkan hirarki ini, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta diklasifikasikan sebagai KBAT, manakala memahami dan mengingat diklasifikasikan sebagai Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014a; Kementerian Pendidikan Malaysia, n.d.; Lembaga Peperiksaan, 2013). Klasifikasi ini turut diguna pakai dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (GBT), termasuklah sepertimana yang dinyatakan secara jelas dalam Dokumen Standard Kurikulum (DSK) bagi mata pelajaran Hifz al-Quran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017a). Oleh hal yang demikian, timbul isu mengenai konsep KBAT dalam GBT. Hal ini kerana ada persoalan, terutamanya mengenai status mengingat yang diklasifikasikan sebagai KBAR dalam taksonomi Bloom, sedangkan DSK Hifz al-Quran menetapkan sasaran bagi pelajar untuk menghafal 30 juzuk al-Quran dalam masa lima tahun, dan peruntukan waktu yang besar diberikan, iaitu antara 12 hingga 16 waktu seminggu, bergantung kepada tahap tingkatan pelajar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017a).

Selain daripada itu, kajian kepustakaan telah dibuat terhadap dokumen rasmi KPM mengenai KBAT bagi GBT, namun tiada panduan khusus bagi subjek yang mempunyai disiplin ilmu yang sama seperti GBT. Hanya terdapat panduan bagi Pendidikan Islam seperti yang diberikan oleh Lembaga Peperiksaan (2015). Secara berfokus kepada bidang al-Quran, panduan hanya diberikan bagi kefahaman al-Quran (Kementerian Pendidikan Malaysia, n.d.), dan tiada panduan bagi hafazan al-Quran. Konsep KBAT dalam bidang al-Quran dalam Pendidikan Islam yang diketengahkan oleh Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar dan Ab. Halim Tamuri (2020) turut memfokuskan kepada kefahaman al-Quran. Tidak ditemui mana-mana kajian yang dijalankan bagi

mengkaji konsep KBAT bagi hafazan al-Quran. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan meneroka kefahaman pakar tentang konsep KBAT bagi KBT.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan secara kualitatif. Pendekatan kualitatif sesuai digunakan kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka kefahaman peserta kajian mengenai konsep KBAT dalam KBT. Sebanyak lapan peserta kajian terlibat. Peserta kajian dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Merriam (2009) mencadangkan agar penggunaan teknik persampelan bertujuan dimulakan dengan mengenal pasti kriteria utama dalam pemilihan peserta. Oleh yang demikian, peserta kajian ini dipilih berdasarkan kriteria, iaitu; 1) terlibat secara langsung dengan KBT, 2) berkhidmat melebihi 10 tahun, dan 3) mudah didekati. Demografi lapan peserta kajian tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Demografi peserta kajian

Bil.	Perkara	Demografi	Bilangan	Jumlah
1	Peranan	Penggubal KBD/KBT	3	
		Pelatih guru KBD/KBT	3	8
		Penulis buku teks	2	
2	Kelayakan	PhD	5	
		Sarjana	3	8
3	Pekerjaan	Pensyarah IPT/IPG	4	
		Pegawai KPM	2	8
		Guru	2	

Pengumpulan data kajian ini adalah berdasarkan temu bual mendalam. Temu bual mendalam menyerupai perbualan di mana pengkaji meneroka beberapa topik umum untuk membantu peserta kajian mengungkap idea mereka (Bogdan & Biklen, 2003). Teknik ini dapat membekalkan data yang banyak dalam masa yang singkat. Selain itu, temu bual dijalankan secara separa struktur. Kaedah ini digunakan apabila pengkaji memerlukan maklumat yang spesifik daripada peserta kajian, namun pengkaji hanya dipandu oleh senarai soalan atau senarai isu yang ingin diterokai, manakala bentuk soalan ditentukan bergantung kepada masa dan situasi (Merriam, 2009). Yang penting adalah pengkaji mempunyai kerangka persoalan kajian dalam minda (Yin, 2011).

Kesahan data dibuat melalui dua kaedah, iaitu; 1) triangulasi sumber, dan 2) semakan rakan sebaya (peer review). Triangulasi sumber berlaku apabila data daripada peserta-peserta kajian dibanding beza secara berterusan untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara kategori yang terdapat pada peserta pertama dan turut relevan berulang pada peserta berikutnya (Bogdan & Biklen, 2003). Semakan rakan (peer review) pula dibuat melalui perbincangan antara rakan pengkaji bertujuan memastikan dapatan terhasil mencukupi daripada data terkumpul.

## 3. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini disusun secara bertema. Tema terhasil melalui analisis menggunakan kod-kod dengan bantuan perisian Nvivo 12. Dapatan kajian ini dipersembahkan secara tematik. Ada tiga tema besar yang timbul, iaitu; 1) Taksonomi Bloom sebagai kerangka pemikiran, 2) mengingat dalam KBT, dan 3) taksonomi pemikiran dalam KBT.

### 3.1 Taksonomi Bloom sebagai kerangka pemikiran

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mempersoalkan keperluan membincangkan mengenai KBAT dalam kerangka Taksonomi Bloom secara khusus bagi kurikulum tahliz. Persoalan ini ditimbulkan oleh Dr. Ammar, katanya, “*adakah dulu, ulamak-ulamak kita tidak bijak sehingga terpaksalah kita disajikan dengan taksonomi yang terkenal yang digelar dengan taksonomi Bloom. Dengan ada revise edition oleh Anderson 2001.*” Kekeliruan ini timbul kerana disiplin ilmu hifz al-

Quran, seolah-olah berada di aras rendah dalam taksonomi Bloom. Kata Dr. Anas, “*Apa lagi macam tafhiz. Sebab, apabila kita lihat dari sudut disiplin, pentaksiran itu sendiri, terpecah kepada enam, bermula dengan kemahiran paling rendah, mengingat dan memahami. Bila sebut mengingat dan memahami, kita ingat, tafhiz ini hafaz. Hafaz dan ingat ni seolah-olah macam sama. Betul dok?*”.

Walau bagaimanapun, peserta kajian mengakui keperluan untuk menerima taksonomi Bloom sebagai kerangka asas kerana ia diterima secara meluas di peringkat global dan diadaptasi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kata Dr. Ammar, “*Sebenarnya kita terikat dengan Kementerian Pendidikan. Kalau tidak, kita tidak dianggap sebagai trendy dan tidak globallah. Maka kita pun ikutlah. It's ok. Fine.*” Namun, penerimaan itu tidak secara keseluruhan, sebaliknya perlu kepada pengubahsuai agar sesuai dengan disiplin ilmu tafhiz. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Ustaz Yasir:

*Kita kena ada ubahsuai sikitlah kerana Pendidikan Islam ataupun pengajian Islam ni, dia berkait dengan nas-nas yang qat'i, benda-benda yang telah ditetapkan. Kita tak bolehlah nak kreatif, nak analize benda tu secara bebas. (Kita) mestilah perlu, ada had-had, ataupun mungkin taksonomi yang jugak ada prinsip Islam di situ. Kita kena reka yang barulah. Kalau apa yang ada dalam Taksonomi Bloom tu, belum cover benda tu.*

### 3.2 Mengingat dalam KBT

Isu ini timbul kerana disiplin ilmu tafhiz adalah mengingat ayat-ayat al-Quran. Mengingat dalam taksonomi Bloom dikategorikan sebagai pemikiran aras rendah. Walau bagaimanapun, peserta kajian sepakat tidak bersetuju mengingat dikategorikan sebagai pemikiran aras rendah. Sebaliknya, khas bagi disiplin ilmu tafhiz, ia termasuk dalam pemikiran aras tinggi. Hal ini kerana mengingat dalam disiplin ilmu tafhiz berbeza dengan mengingat dalam disiplin ilmu lain yang tidak perlu ingatan secara terperinci, sebaliknya cukup sekadar mengingat kata kunci dan elemen dalam sesuatu ilmu itu, dan ia boleh diuraikan dalam bentuk ayat yang lain. Hal ini dijelaskan oleh Dr. Anas, katanya:

*Berbeza dengan kurikulum subjek lain. Kalau subjek lain, mengingat, berikan pentakrifan puasa. Pelajar sekadar perlu ingat puasa adalah menahan diri daripada makan minum, daripada terbit fajar hingga kepada maghrib. (Itu sebagai) contoh. Ataupun pelajar kedua akan sebut, pengertian puasa, menahan diri daripada Subuh ke Maghrib. Jadi, dua-dua jawapan itu betul. Dia hanya cedok, hanya ingat apa yang dia baca daripada buku. Kemudian, dijawab dalam bentuk yang spontan, seperti itu. Maka, mengingat itu mungkin berada di tahap aras rendah. Selepas itu barulah pergi ke aras tinggi. Bezakan antara rukun dan perkara sunat puasa. Bezakan antara perkara makruh dan yang membatalkan puasa. Nyatakan hikmah puasa. Jadi ada tingkat pentaksiran daripada rendah kepada sukar.*

Keadaan ini berbeza dengan mengingat dalam disiplin ilmu tafhiz kerana mengingat ayat al-Quran, adalah dengan melafazkan setiap patah perkataan dan huruf yang asal tanpa mengubah sedikit pun daripada ayat yang asal. Jelas Dr. Anas:

*Menghafaz al-Quran tak sama dengan menghafaz takrif puasa atau takrif haji itu. Cukup berbeza. Yang pertama, bila sebut hafaz al-Quran, anak murid kita perlu menghafaz, tak boleh jatuh satu surah, satu ayat ataupun satu huruf sekalipun. Berbeza dengan menghafaz takrif puasa (dan) takrif sembahyang. Kita boleh beri pentakrifan yang bebas, asalkan jangan terkeluar daripada landasan tadi. Betul belake. Tapi (hafaz) al-Quran ini, pelajar sudah hafaz juzuk amma, juzuk 30, maksud dia, dia perlu menghafaz, daripada ayat ke ayat, dengan betul, tanpa jatuh satu ayat, ataupun satu surah, ataupun tanpa kesilapan baris sekalipun.*

Selain itu, kemampuan mengingat juga berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Hal ini dapat dilihat apabila ada pelajar tahniz yang cepat menghafaz mendahului kurikulum dan ada yang tidak dapat mengikut kurikulum yang ditetapkan. Hal ini dijelaskan oleh Ustazah Nur, katanya, “*nak mengingat tu pun dah aras tinggi. Sebab bila kita tengok, kemampuan pelajar, murid-murid tu, bila dia nak menghafal, dia memang tak boleh nak sama dengan silibus yang kita letak. Ada yang ke depan, ada yang ke belakang.*”

### 3.3 Taksonomi pemikiran dalam KBT

Peserta kajian bersetuju bahawa ingatan dalam kurikulum tahniz berada pada pemikiran aras tinggi. Peserta kajian turut bersetuju bahawa taksonomi Bloom boleh diambil sebagai kerangka asas pemikiran, namun dengan sedikit pengubahsuaian. Terdapat sembilan sub tema bagi taksonomi pemikiran dalam kurikulum tahniz, iaitu seperti berikut:

#### i. Hafal al-Quran tanpa pakej

Yang dimaksudkan dengan pakej adalah sepertimana yang dinyatakan oleh Dr. Anas, “*pelajar bukan sekadar hafaz, tetapi dia perlu jelmakan perlu tonjolkan bentuk bacaan yang ada di situ, hukum tajwid, dia ada ibtida' dan wakafnya, bahkan bacaan dalam bentuk murattal, tarannum waktu solat.*” Maksudnya, pakej itu dikhususkan kepada kemahiran membaca al-Quran yang sempurna. Tahap ini ada pada individu yang tidak atau belum mendalami ilmu al-Quran. Contohnya, pelajar sekolah rendah. Dr. Anas menjelaskan bahawa hafazan al-Quran yang hanya diuji ingatan kognitif, dan tidak diuji bacaannya, ia tidak termasuk dalam hafalan dengan pakej. Katanya, “*kalau sekadar kita kata, pelajar sekolah rendah, kita uji tahap hifzul Qurannya melalui suai kenal, suai antara A (dan) B, ataupun padankan antara A dan B, itu juga menguji hifzul Quran. tapi, yang menguji dari sudut hafazan ingatan sahaja.*”

Begitu juga dengan pelajar sekolah menengah yang tidak mengikuti kurikulum tahniz. Fokus mereka adalah kepada menghafal ayat-ayat tertentu yang telah ditetapkan dalam kurikulum, dan pentaksirannya tidak merangkumi pakej bacaan al-Quran. Keadaan ini berlaku kerana guru memberikan fokus kepada menghabiskan silibus dan tidak menekankan kepada bacaan dengan pakej yang sepatutnya. Kata Ustazah Nur, “*kita tahu, bila kita berada di sekolah menengah, KBSM, fokus kita nak habiskan silibus. Kita tidak lagi fokus kepada bentuk-bentuk bacaan sebagaimana yang pelajar hifz alami. Pelajar-pelajar hifz, dia memang fokus kepada hafal al-Quran. Dia nak selesaikan (hafazan) al-Quran. Jadi, dia perlu berada dalam adab-adab menghafaz al-Quran yang sebenar.*”

#### ii. Bacaan al-Quran dengan pakej

Bagi sesiapa yang ingin mendalami ilmu al-Quran, sebelum mula menghafaz al-Quran, mereka perlu memperlengkapkan diri mereka dengan asas bacaan al-Quran yang lengkap. Mereka bukan sekadar mampu membaca al-Quran, bahkan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran membaca dengan tajwid dan fasohah. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Ustazah Nur, “*Baca Quran ni, dia satu pakej tau. Kalau dibaca, dia perlu ada tajwidnya, dia perlu ada fasohahnya, dia perlu ada makhrajnya. Jadi, benda-benda yang macam ni pun dia perlu ambil kira.*” Sesuai dengan keperluan itu, maka pelajar di Malaysia dilatih dengan kemahiran membaca al-Quran dengan baik sejak dari sekolah rendah. Jelas Dr. Anas, “*Sebab tu dimulai dengan JQAF, ada program Iqra'. Anak-anak murid kita, kena khatam 30 juzuk. Maksudnya khatam bacaan al-Quran dengan tajwid, bacaan yang baik, secara lengkaplah... Secara pakej.*”

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan, dalam usaha belajar, ada kesalahan-kesalahan yang akan dilakukan ketika bacaan. Hal ini sukar untuk dielakkan, terutamanya bagi manusia yang sifatnya lemah dan tidak sempurna. Dalam hal ini, sesiapa yang ingin menceburi bidang tahniz, perlu mengelakkan diri daripada melakukan kesalahan-kesalahan besar dan cuba menghindari daripada melakukan kesalahan kecil. Dr. Anas menghuraikan:

*Bacaan al-Quran, ada kesalahan yang jali dan ada kesalahan yang khafi. Maksud kesalahan yang jali adalah kesalahan yang besar-besar, sehingga boleh merubah ayat, sehingga boleh merubah baris, sehingga tidak dapat membezakan antara huruf-huruf al-Quran antara sin dan shod. Itu kesalahan-kesalahan berat. Namun begitu, di sana juga ada kesalahan-kesalahan ringan, berkaitan dengan, pelajar tahu apa itu iqlab, apa itu ikhfak. Tapi, nak menyebut, sebutan iqlab yang sebenar, ikhfak yang sebenar, tak semua mampu. Semua orang tahu, huruf dhod, merupakan satu huruf yang berat (dan) sukar untuk disebut. Walaupun proses kita tahu, maklumat, di mana makhraj hurufnya, tapi nak sebut dengan betul, itu satu bentuk cabaran kepada kita orang-orang awam. Namun begitu, saya tetap menyatakan, bahawa al-Quran itu, bila sebut hifzul Quran, hafaz Quran itu perlu ada sekurang-kurangnya pakej-pakej tadi sehingga jangan sampai berlaku kesalahan-kesalahan besar. Begitu juga, kalau boleh, kurangkan kesalahan-kesalahan kecil.*

### iii. Hafal al-Quran dengan pakej

Setelah seseorang itu telah mampu membaca dengan baik dan lengkap dengan pakejnya, maka barulah mereka boleh mula menghafal al-Quran. Kata Dr. Anas, “*pelajar yang hendak didedahkan dengan hifzul Quran, kena baik bacaannya, tilawahnya sudah baik, tajwidnya sudah lengkap, maksudnya, dia sudah menguasai. Kemudian, baru la kita masuk pada proses hifzul Quran. Sebab itu, bila kata, disiplin hifzul Quran ini, dia pakej.*” Hal ini kerana, seseorang yang sedang menghafal al-Quran itu perlu mengaplikasikan segala ilmu bacaan ketika menghafal al-Quran. Aplikasi kepelbagai ilmu sekaligus itu menuntut kemahiran membaca yang tinggi. Di situ ada nilai KBAT. Jelas Dr. Anas:

*Namanya menghafaz dan mengingat. Tapi disiplin yang perlu pelajar tonjolkan, yang perlu ditaksirkan merangkumi pakej-pakej yang pelbagai, yang berkaitan dengan ilmu-ilmu al-Quran. Bermula dengan hafal al-Quran (dan) bacaan tartil yang baik. Ada unsur-unsur fasohah dan tajwid yang baik, yang mana kalau pelajar tadi tak dapat membezakan hukum tajwid yang baik, bacaannya akan tergendala dan terencat. Kalau dia tak tahu mana nak mula, mana nak berhenti waqaf, akan berlaku di sana, kita kata kecacatan dalam bacaan, kerosakan dalam bacaan. Dan sebenarnya di situlah, ada di situ unsur-unsur KBAT*

Hal ini kerana tiada KBAR ketika hafazan al-Quran. Ia mesti berlaku dengan aplikasi ilmu bacaan yang betul. Jika berlaku ketidak sempurnaan, maka ia dinilai sebagai satu kelalaian. Jelas Dr. Anas:

*Waktu pelajar tadi mengaplikasikan, melaksanakan bacaan, memperdengarkan bacaan tu, dia nak menganalisis supaya baris betul, waqaf ibtida'nya betul. Jadi, dia tidak boleh mengelak, bukan makna kita kata, hifzul Quran, aras paling rendah, asalkan baca saja. Asalkan baca, lintang pukang. Kita tidak boleh seumpama itu. Jadi itu kelalaian dalam membaca al-Quran itu sendiri.*

Kelalaian itu akan menimbulkan rasa kurang selesa bagi guru yang menilai hafazan tersebut. Menghafal dengan pakej ilmu bacaan itu lebih baik lebih baik daripada menghafal dengan cepat tanpa menjaga adab-adab yang sepatutnya. Dalam hal ini, hurai Ustazah Nur, “*Adab membaca al-Quran ni, kita baca dengan penuh adab. Kalau tasmik pun, kita lebih selesa kalau pelajar-pelajar dapat menghafaz dengan sebutan, makhraj, tajwid, dengan tempat waqaf yang baik. Kita sangat berpuas hati dengan dia. Walaupun hafazan dia tu tidak sampai kepada tahap yang sepatutnya, ikut silibus.”*

### iv. Mampu mentaksir hafazan orang lain

Apabila mencapai tahap hafazan yang memuaskan, dengan pakej yang lengkap, maka guru boleh mempertanggungjawabkan seseorang pelajar itu untuk menilai tahap hafazan rakannya yang lain. Dalam hal ini, pelajar dibentuk untuk menjadi guru yang mampu menilai tahap hafazan rakannya yang lain pula. Ujar Dr. Salma:

*Pelajar juga digalakkan untuk membuat, yang kita panggil pentaksiran rakan sebaya. Jadi guru sini bukanlah dia sebagai centered. Tapi student centered. Pelajar boleh komen hasil kerja dan sebagainya. Jadi di sinilah maksudnya aktiviti PdP tu, barulah datang kepada pentaksiran. Barulah sampai based kepada tahap mencipta. Bukanlah mencipta tu sesuatu yang sedia ada. Jadi, teknik kita tu tadi, membentuk pelajar tadi. Bila kita bagi contoh yang lain, dia boleh buat dalam situasi yang baru.*

#### v. Hiasi bacaan hafazan

Bagi menghiasi bacaan hafazan, ada pakej tambahan, iaitu bacaan dengan tarannum. Jelas Dr. Anas, “*pelajar bukan sekadar hafaz, tetapi dia perlu jelmakan (dan) perlu tonjolkan bentuk bacaan yang ada di situ. Hukum tajwid, dia ada ibtida’ dan wakafnya, bahkan bacaan dalam bentuk murattal, tarannum.*”

#### vi. Tidak keliru antara satu ayat dengan ayat yang lain

Hafazan ayat perlu dipastikan agar tidak tersalah baca satu-satu ayat di satu-satu tempat yang lain. Ia perlu dipastikan betul dari sudut susunannya. Dalam hal ini, masalah selalu timbul apabila ada ayat yang hampir sama, sama ada pada surah yang sama atau surah yang berbeza. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan dan kesukaran kepada pelajar untuk menghafaznya. Keadaan ini menunjukkan kesukaran menghafaz sesuatu surah turut mempunyai tahap yang berbeza-beza. Jelas Dr. Anas:

*al-Quran itu, tahap kesukaran menghafaz surah-surah pun berbeza. Ada surah ni, pelajar ni kata mudah dihafaz. Satu muka, setengah jam dapat (hafal). Bila sampai satu surah, yang banyak persamaannya, banyak ayat-ayat yang sukar untuk dapat, mutasyabihat, seakan-akan, tak sama, mungkin ambil masa satu jam. Jadi di situ pun sudah ada aras, tidak sama antara satu surah ke satu surah.*

Begitu juga dengan kedudukan ayat. Penilaian kepada hafazan ayat dikategorikan sebagai mudah jika soalan diberikan pada awal surah, awal juzuk atau surah-surah pilihan. Sebaliknya, jika penilaian dibuat dengan dimulakan pada pertengahan surah, maka penilaian akan menjadi semakin sukar. Ujar Dr. Anas:

*Bentuk pentaksiran, ujian, diberi pada awal surah, ataupun juzuk amma. Mungkin kita kata bentuk pengujian aras rendah, sebab hanya diuji dalam bentuk surah-surah pilihan, ataupun diuji hanya pada awal juzuk, ataupun awal surah. Tapi, kalau ditebus soalan-soalan yang sukar, ditengah-tengah ayat, di tengah-tengah surah, perlukan pelajar analisis, mula ibtida’ dari mana, mula wakaf dari mana, jadi, aras kesukaran itu makin meningkat.*

Pentaksiran ini menentukan kualiti hafazan pelajar itu. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Dr. Salma, “*kita nyatakan di situ, dia dapat sijil, macamana pula kualiti dia, Mumtaz ke, Jayyid Jiddan, untuk prestasi hafazan.*”

#### vii. Hafalan yang kekal

Tahap hafazan yang paling tinggi adalah apabila sesuatu hafazan itu boleh kekal hingga ke mati. Hal ini dijelaskan oleh Dr. Anas, katanya:

*Kemudian, isu, macamana nak mengekalkan hafazan al-Quran itu dalam tempoh yang panjang. Sebab itu dari sudut disiplin, anak murid, kebanyakannya semua capai muqarrar, capai silibus. Tapi dalam ramai-ramai yang capai muqarrar, silibus tadi, siapa yang betul-betul menjaga kualiti hafazan itu, supaya terus kekal di dada atau terus kekal seorang yang hafiz al-Quran.*

#### **viii. Faham isi kandungan al-Quran**

Pelajar tahfiz tidak sekadar membaca dan menghafaz al-Quran, sebaliknya mereka perlu menggabungkan bacaan mereka dengan kefahaman tentang isi kandungan al-Quran. Dalam hal ini, turut disertakan Fiqh Ayat dalam pakej Hifz al-Quran. Oleh hal yang demikian, guru bukan semata-mata menguji bacaan dan hafazan al-Quran, tetapi turut membincangkan konten ayat yang sedang dihafal itu. Dr. Anas menghuraikan:

*Hifzul Quran, pakej dia dengan fiqh ayat. Guru TMUA, bila pelajar sudah perdengarkan hafazan al-Quran, dia peruntukkan sebahagian masa, contohnya 10 minit untuk berbincang tentang fiqh ayat. Jadi, hari itu, kalau pelajar, hafaz satu muka surat, kita kata, muka surat 3 la, surah al-Baqarah, pelajar diminta keluarkan, apa bentuk intipati, apa bentuk pengajaran, apa bentuk sirah ataupun adab, yang boleh dikeluarkan daripada fiqh ayat yang pelajar baru saja menghafaz tadi. Daripada situ ada proses menganalisis. Pelajar akan buat analisis.*

Dengan hafazan yang disertai dengan kefahaman ayat, nilai KBAT makin bertambah. Jelas Ustazah Nur, “macam dalam fiqh ayat. jadi, bila dia menghafal, dengan tajwid dia, dengan tahu maksud maknanya, jadi benda tu lagilah bertambah KBAT.”

#### **ix. Gabung jalin hafazan al-Quran dengan ilmu Sains**

Dalam Fiqh Ayat, pelajar banyak didedahkan dengan isi kandungan al-Quran untuk kefahaman mereka. Maka di situ wujud gabung jalin antara hafazan dengan bacaan dan kefahaman ayat. Dengan itu, cara bacaan akan lebih menepati maksud sebenar ayat. Namun, Fiqh Ayat memberi fokus kepada konten ilmu pengajian Islam, seperti Akidah, Fikah, Akhlak, Sirah dan sebagainya. Namun, ada satu bentuk lain gabung jalin, iaitu dengan ilmu-ilmu semasa seperti Sains. Namun, hal ini agak sukar dan hanya boleh dilakukan oleh pelajar-pelajar terpilih dari kalangan yang terpilih. Hal ini diterangkan oleh Dr. Salma:


*Sebenarnya kita ada satu lagi, Syahadah Ulya Ulul Albab, extensional daripada program KBT. Tapi setakat ni telah dilaksanakan pada satu saja sekolah, (iaitu) di Imtiyaz Besut. Pelajar tu akan ambil tiga kurikulum tu serentak. Tahfiz, bidang fully sains. Lepas tu dia akan (mendalami) kitab-kitab turath yang dia kena belajar. Jadi, ni speciallah untuk budak yang kita anggap, yang terpilih. Nak ambik bidang Quran lagi, bidang sains tulen, lepas tu kitab turath. Ada beberapa matapelajaranlah...*

### **4. PERBINCANGAN**

Dapatan menonjolkan tiga tema, iaitu; 1) Taksonomi Bloom sebagai kerangka pemikiran, 2) mengingat dalam KBT, dan 3) taksonomi pemikiran dalam KBT. Sub tema bagi tema ketiga pula ada sembilan, iaitu; a) hafal al-Quran tanpa pakej, b) bacaan al-Quran dengan pakej, c) hafal al-Quran dengan pakej, d) hiasi bacaan hafazan, e) mampu mentaksir hafazan orang lain, f) tidak keliru antara satu ayat dengan ayat yang lain, g) hafalan yang kekal, h) faham isi kandungan al-Quran, dan i) gabung jalin hafazan al-Quran dengan ilmu Sains. Sembilan sub-tema ini mewakili empat sudut berbeza, iaitu; kekuatan ingatan, bacaan al-Quran, hafazan al-Quran dan gabung jalin ilmu. Hafal al-Quran tanpa pakej dan bacaan al-Quran dengan pakej boleh dikategorikan sebagai KBAR. Bacaan

al-Quran dengan pakej dikategorikan sebagai KBAR dari sudut hafazan al-Quran kerana ia menjadi asas penting sebelum hafazan bermula. Namun, dari sudut tilawah al-Quran, bacaan al-Quran dengan pakej sebenarnya adalah KBAT. Manakala, hafal al-Quran dengan pakej, faham isi kandungan al-Quran serta tidak keliru antara satu ayat dengan ayat yang lain boleh dikategorikan sebagai KBAT, namun dalam saluran yang berbeza. Hiasan bacaan hafazan dengan tarannum pula termasuk dalam kemahiran tinggi bacaan al-Quran dan boleh diiktiraf sebagai pakej tambahan kepada hafazan al-Quran.

Gabung jalin hafazan al-Quran dengan ilmu Sains pula adalah KBAT aras yang lebih tinggi daripada sekadar faham isi kandungan al-Quran. Hal ini kerana kefahaman tentang isi kandungan al-Quran terkait dengan perbahasan ilmu agama, manakala gabung jalin dengan ilmu Sains pula adalah penambah keyakinan terhadap kebenaran dan kemukjizatan al-Quran. Kemampuan mentaksir hafazan orang lain pula menonjolkan pengiktirafan guru terhadap pelajar yang mencapai tahap tertentu sehingga diyakini untuk mengantikannya bagi menilai tahap hafazan rakan pelajar yang lain pula. Tidak keliru antara satu ayat dengan ayat yang lain pula adalah KBAT dari sudut kekuatan ingatan atau kesungguhan latihan. Tambahan daripadanya adalah ingat dan tidak lupa sehingga ke akhir hayat. Perbahasan ini membentuk Model Taksonomi Hafazan al-Quran, iaitu seperti rajah di bawah:




Rajah 2: Model Taksonomi Hafazan al-Quran

Permbinaan model ini selaras dengan konsep gabung jalin ilmu sepertimana yang dicadangkan oleh Ibn Khaldun (2001) dan Mohd Zaidi Ismail (2014). Penghasilan ilmu baru itu perlu melalui proses tahu dan fikir (Mohd Zaidi Ismail, 2014). Tahu dimaksudkan sebagai proses dalam minda seseorang daripada apa-apa yang telah diketahui kepada apa-apa yang masih belum diketahui. Dalam Taksonomi Bloom, ia sama seperti kemahiran berfikir aras rendah, iaitu; mengingat dan memahami. Berfokus kepada model ini, seseorang yang tahu membaca dengan pakej atau pun menghafaz tanpa pakej menunjukkan bahawa dia tahu asas kepada hafazan al-Quran dengan pakej. Oleh kerana itu, dia perlu menumpukan perhatian yang lebih agar dia dapat masuk ke peringkat seterusnya yang lebih kompleks, iaitu fikir. Fikir didefinisikan sebagai proses yang dilalui secara sengaja untuk menghasilkan pengetahuan baru (atau pengetahuan ketiga) hasil daripada kombinasi dua pengetahuan yang terpisah sebelum ini (Mohd Zaidi Ismail, 2014). Asas kepada fikir dalam hafazan al-Quran adalah hafazan al-Quran dengan pakej.

Melalui model ini juga, konsep keluasan dan kedalaman ilmu sepertimana yang diketengahkan oleh Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al., (2020) dapat dipraktikkan. Apabila seseorang hafiz mengaplikasikan hafazannya sehingga diberi kepercayaan untuk mentaksir hafazan

orang lain, maka itu menunjukkan dia memiliki kedalaman ilmu hafazan. Manakala, apabila kemahiran membaca dan menghafaz, diasimilasikan dengan kekuatan ingatan serta digabung jalin dengan Fiqh Ayat, memungkinkan berlakunya gabung jalin secara melintang, dan sekaligus menonjolkan keluasan ilmu yang dimiliki oleh seseorang hafiz al-Quran itu.



Rajah 3: Konsep keluasan dan kedalaman ilmu dalam hafazan al-Quran

Maksudnya, KBAT tertinggi bagi KBT adalah seseorang al-hafiz yang mampu membaca al-Quran dengan pakej serta mampu mentaksir tahap hafazan orang lain, dalam keadaan bacaannya dengan tarannum yang baik dan memiliki kekuatan ingatan yang kekal dalam keadaan tidak terkeliru antara satu ayat dengan ayat yang lain, serta mampu menghurai ayat tersebut dalam konten ilmu agama dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan kehidupan manusia.

## 5. KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk merungkai konsep KBAT bagi pandangan pakar yang terlibat secara langsung dengan KBT. Dapatkan menunjukkan taksonomi Bloom diterima sebagai kerangka asas pemikiran aras tinggi dan aras rendah, namun perlu disesuaikan mengikut disiplin ilmu KBT. Pakar turut sepakat bersetuju bahawa mengingat dalam hafazan al-Quran tidak sama dengan mengingat yang dimaksudkan dalam taksonomi Bloom. Oleh hal yang demikian, hafazan al-Quran diiktiraf sebagai sebahagian daripada KBAT, dan bukannya KBAR. Ada sembilan sub-tema yang muncul daripada perbincangan mengenai taksonomi hafazan al-Quran, yang diwakili oleh empat sudut berbeza, iaitu; bacaan al-Quran, hafazan al-Quran, kekuatan ingatan dan gabung jalin ilmu. Dapatkan ini berjaya membentuk Model Taksonomi Hafazan al-Quran. Dapatkan ini dapat dijadikan panduan bagi semua pihak yang terlibat dengan KBT bagi merancakkan lagi aktiviti KBAT di kalangan pelajar tahfiz.

## 6. PENGHARGAAN

Terima kasih diberikan kepada Unit Kajian dan Pembangunan Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Lembaga Peperiksaan (LP), Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan kajian ini.

## RUJUKAN

- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy*. New York: Longman Publishing.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014a). *Elemen KBAT dalam Kurikulum*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014b). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di Sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017a). *DSKP Hifz al-Quran Tingkatan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017b). *DSKP Maharat al-Quran Tingkatan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://doi.org/10.16309/j.cnki.issn.1007-1776.2003.03.004>

Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research for Education*. Singapore: Allyn and Bacon.

Ibn Khaldun, A. M. (2001). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). *Panduan Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Berdasarkan Buku Teks KBSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPBM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan. (2013). *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan. (2015). *Item Contoh Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Sekolah Menengah - Bidang Kemanusiaan*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research*. Francisco: Jossey-Bass.

Mohd Zaidi Ismail. (2014). *Islam & Higher-Order Thinking: An Overview*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, & Ab. Halim Tamuri. (2020). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam. *Sains Insani*, 5(1), 14–21.

Yin, R. K. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. New York and London: The Guilford Press.